



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI DITERUSKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) bagi tahun ini. Keputusan ini telah dibuat berdasarkan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengurangkan beban kewangan pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi.

Kementerian Kewangan telah meluluskan kadar bantuan sebanyak RM100 untuk setiap penuntut warganegara Malaysia di institut pengajian tinggi. Bantuan tersebut akan disalurkan pada hujung bulan Mac 2019 menggunakan mekanisme sedia ada, iaitu kad debit Bank Rakyat, yang merupakan penambahbaikan daripada sistem baucar buku yang terdahulu. Bantuan ini dijangka memanfaatkan 1.2 juta pelajar berdasarkan pangkalan data yang lama dan akan melibatkan peruntukan RM120 Juta.

Perincian pelaksanaan BPPT 2019 dan kriteria kelayakan penerima akan diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kelak.

Penyaluran BPPT ini dibuat selaras dengan pengumuman Kerajaan pada 20 Februari 2019 untuk memberi Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 sebanyak RM100 untuk golongan bujang, berikutan saranan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir bin Mohamad untuk memberi lebih perhatian kepada usaha-usaha membantu rakyat menangani beban kos sara hidup. Bayaran BSH untuk golongan bujang ini akan memanfaatkan lebih daripada 3 juta individu dan melibatkan peruntukan RM300 Juta.

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
24 Februari 2019

Like Be the first of your friends to like this.